

### Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Jumlah Kekosongan Jawatan - **KONTRAK : 1**

Penempatan Jawatan: PUSAT BAHASA MODEN, UMPSA KAMPUS GAMBANG

#### **GURU BAHASA GRED DG41/DG44/DG48/DG52/DG54**

##### **Kelayakan:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) ijazah sarjana muda dalam bidang pengajaran bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

2. Calon bagi lantikan hendaklah **memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DG41 :**

1. ijazah sarjana muda dalam bidang pengajaran bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,289.73);

---

#### **SYARAT TAMBAHAN LANTIKAN**

1. **Memiliki Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau mencapai aras minimum 3 dalam Malaysia University English Test (MUET).**
  2. Mencapai sekurang-kurangnya **CGPA 3.00** pada peringkat **ijazah sarjana muda**.
  3. Mempunyai kemahiran komunikasi interpersonal dan pembentangan serta minat yang mendalam terhadap pengajaran dan pembelajaran.
  4. Berkemahiran dengan penggunaan perisian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.
  5. Mempunyai minat untuk sentiasa meningkatkan kemahiran dalam pembangunan modul dan bahan pengajaran, pentaksiran dan lain-lain kemahiran berkaitan pengajaran dan pembelajaran.
-

Mempunyai kemahiran dalam bidang:

- 1) Linguistics & Literature
- 2) Education

**Klasifikasi Bidang:**

- Chinese Language Studies
- Chinese Arts
- Chinese Linguistic
- Chinese Literature
- Chinese Culture
- Chinese Language Education
- Assessment
- Educational Technology and Media Studies

**SYARAT ASAS LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) ijazah sarjana muda dalam bidang pengajaran bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41:RM2,120.73)

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred DG41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:  
(a) memenuhi tempoh percubaan;  
(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda;

**1. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab memberi syarahan, tutorial, menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan, menyelia projek tesis, mengurus kerja-kerja amali, tutorial, menyediakan nota-nota kuliah/manual makmal, mengendalikan urusan peperiksaan, mengawasi kerja-kerja latihan praktik pelajar, membantu menyemak/ menyediakan kurikulum/ silibus melibatkan diri dalam kerja-kerja penyelidikan dan menjalankan usaha-usaha pembangunan pelajar.

## 2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

### 2.1 Fungsi dan Bidang Tugas Umum

Fungsi dan bidang tugas bagi jawatan Guru Bahasa adalah merangkumi:

- a. penyelidikan dan penerbitan;
- b. pengajaran dan penyeliaan;
- c. kepimpinan akademik, pengiktirafan dan sanjungan;
- d. perundingan;
- e. khidmat kepada universiti; dan
- f. khidmat kepada masyarakat.

Fokus dan keutamaan Guru Bahasa adalah kepada aktiviti-aktiviti akademik seperti penyelidikan, penerbitan, pengajaran dan penyeliaan.

### 2.2 Perincian Fungsi dan Bidang Tugas

#### 2.2.1 Penyelidikan dan Penerbitan

Bidang tugas ini diperlukan untuk memperluaskan bidang pengetahuan dan juga menyumbang kepada aktiviti pengajaran yang lebih berkesan (lebih terkini, lebih hands-on, dsb).

#### 2.2.2 Pengajaran dan Penyeliaan

a. Bidang tugas ini adalah tugas rasmi/ hakiki staf. Aspek tugas pengajaran diutamakan dan penyeliaan projek tahun akhir/ latihan amali juga dititikberatkan.

b. Menjalankan tugas mengajar mengikut jadual dan beban tugas pengajaran yang ditetapkan, penyediaan dan pemeriksaan skrip peperiksaan, pengawasan peperiksaan, bersedia menjadi penasihat kepada pelajar dalam hal akademik.

#### 2.2.3 Kepimpinan Akademik, Pengiktirafan dan Sanjungan

Aspek tugas ini meliputi penglibatan staf untuk meraih anugerah akademik, penilaian tesis, artikel, jurnal kenaikan pangkat, penilai kertas kerja, penglibatan dalam persatuan akademik dan

profesional, syarahan undangan, ucapan utama, dilantik sebagai ahli lembaga penyunting jurnal dan sebagainya.

#### 2.2.4 Perundingan

Seseorang ahli akademik mempunyai aspek tugas memberikan khidmat perundingan dalam bidang kepakarannya melalui pelantikan untuk menyelesaikan masalah tertentu. Pada asasnya

dua jenis perundingan dikenal pasti iaitu perundingan yang mempunyai ganjaran dan perundingan yang tidak mempunyai ganjaran. Perbezaan aras antara kedua-duanya ialah ganjaran

kewangan yang diperoleh calon (tidak termasuk honorarium, per diem, dsb) dan sama ada projek ini melibatkan pembayaran kepada universiti atau tidak. Perundingan yang membawa

kewangan sangatlah digalakkan dan juga projek-projek yang berbentuk khidmat kepada masyarakat juga digalakkan.

#### 2.2.5 Khidmat kepada Universiti

Bidang tugas ini merujuk kepada penglibatan atau pelantikan seseorang ahli akademik dalam semua aktiviti universiti untuk menjayakan wawasan, perancangan dan hala tuju universiti.

Terdapat dua jenis penglibatan:

- a. berasaskan jawatan pentadbiran (contoh: Dekan/ Pengarah, Timbalan Dekan/ Timbalan

Pengarah/ Ketua Jabatan/ Pengurus/ Penyelaras); atau  
b. berasaskan keupayaan dan kepakaran individu.

#### 2.2.6 Khidmat kepada Masyarakat

Bidang tugas ini merujuk kepada penglibatan seseorang ahli akademik kepada masyarakat di luar universiti khususnya dalam bidang/ aktiviti bukan akademik.

#### **ADDITIONAL REQUIREMENTS / SYARAT-SYARAT TAMBAHAN :**

1. Calon hendaklah mencapai CGPA 3.00 dan ke atas pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan.
2. Calon hendaklah mempunyai kemahiran komunikasi interpersonal dan pembentangan serta minat yang mendalam terhadap pengajaran, penyelidikan dan penerbitan.
3. Calon berkemahiran dengan penggunaan perisian teknologi dalam pengajaran dan penyelidikan.
4. Calon yang mempunyai kelayakan tambahan yang diiktiraf seperti STPM/ SPM Mandarin / HSK 6 akan diberikan keutamaan.
5. Calon perlu mencapai MUET sekurang-kurang Band 3/ credit dalam Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris dalam SPM.
6. Calon yang mempunyai pengalaman mengajar akan diberikan keutamaan.
7. Berminat / pernah terlibat dalam penyelidikan jangka pendek / panjang
8. Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai kompeten dari segi penguasaan bahasa-bahasa utama ( Bahasa Melayu/ Inggeris/ Mandarin)
9. Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang yang berkaitan

Jumlah Kekosongan Jawatan - **TETAP / KONTRAK : 4**

Penempatan Jawatan: FAKULTI KOMPUTERAN, UMPSA KAMPUS GAMBANG

**PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS51/DS53/VK7**

**\*PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS13/DS14/VK7**

**\*(Gred Lantikan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuatkuasa mulai 1 Disember 2024)**

**Kelayakan:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (d) Memiliki ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS51: RM6,210.00).

**KELAYAKAN LANTIKAN BAGI JAWATAN PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS13**

- 1. (i) Mempunyai kelayakan asas; dan
  - (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
  - (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DS13: RM6,210.00); dan
  - (iv) Syarat tambahan kepada pemohon **bukan warganegara** bagi jawatan Pensyarah Universiti Gred DS13 hendaklah memiliki :
    - a) Pengalaman relevan sekurang-kurangnya 8 tahun; atau
    - b) Pengalaman antara 6 hingga 7 tahun bagi calon dalam bidang kritikal

**KELAYAKAN LANTIKAN BAGI JAWATAN PROFESOR MADYA GRED DS14**

- 2. (i) Mempunyai kelayakan asas ; dan
  - (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
  - (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DS14: RM6,560.00); dan
  - (iv) Syarat tambahan kepada pemohon **bukan warganegara** bagi jawatan Profesor Madya Gred DS14 hendaklah memiliki :

- a) Pengalaman relevan sekurang-kurangnya 11 tahun; atau
- b) Pengalaman antara 9 hingga 10 tahun bagi calon dalam bidang kritikal

#### **KELAYAKAN LANTIKAN BAGI JAWATAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7)**

- 3. (i) Mempunyai kelayakan asas ; dan
  - (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
  - (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,990.00); dan
- (iv) Syarat tambahan kepada pemohon **bukan warganegara** bagi jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) hendaklah memiliki :
  - a) Pengalaman relevan sekurang-kurangnya 15 tahun; atau
  - b) Pengalaman antara 12 hingga 14 tahun bagi calon dalam bidang kritikal

Mempunyai kemahiran dalam bidang:

- 1) Computer Science
- 2) Computer System Networks & Security
- 3) Mobile Computing
- 4) Big Data
- 5) AI Simulation
- 6) Software Engineering

- 1. Must Have PHD in related field / expertise area
- 2. Having experience in related field will be an added advantage

## **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMPSA berdasarkan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

## **SYARAT-SYARAT UMUM**

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## **TARAF JAWATAN**

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

## **UMUR PADA TARikh TUTUP IKLAN**

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman sesawang UMPSA, [E-recruitment UMPSA](#)

## **PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18. Sila hantarkan ke alamat berikut :

## **BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

### **JABATAN PENDAFTAR**

**CANSELERİ TUN ABDUL RAZAK**

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

**26600 PEKAN**

**PAHANG DARUL MAKMUR**

**(U/P : Unit Perjawatan Pentadbiran/Unit Perjawatan Akademik)**

## **CATATAN AM**

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui e-mail yang telah berdaftar dengan UMPSA.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

## **PERMOHONAN ATAS TALIAN**

**TARIKH BUKA** : 24/07/2018

**TARIKH TUTUP** : 07/08/2018